



SIARAN AKHBAR
JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

PELANCARAN JERAYAWARA KENALI NEGARA KITANI

Bandar Seri Begawan, 26 Ogos 2022 – Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Jabatan Kemajuan Pelancongan pada hari ini telah melancarkan Jerayawara Kenali Negara Kitani. Jerayawara ini adalah sebagai usaha bagi membantu para penggiat industri pelancongan tempatan khususnya agensi-agensi pelancongan, perhotelan dan penyedia-penyedia perkhidmatan pelancongan meningkatkan pendapatan dengan menyasarkan kepada pasaran pelancongan domestik.

Hadir selaku Tetamu Kehormat bagi merasmikan jerayawara ini adalah Yang Mulia Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab, Setiausaha Tetap, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Turut hadir ke Majlis Pelancaran tersebut antaranya Timbalan Setiausaha Tetap dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap di Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Ketua-Ketua Jabatan, Presiden Persatuan Hotel Brunei (*Brunei Association of Hotels*), Pegawai-Pegawai Eksekutif, wakil-wakil daripada beberapa Institusi Pengajian Tinggi dan Agensi-Agensi yang mengambil bahagian dalam jerayawara ini.

Terlebih dahulu di dalam ucapan alu-aluannya, Yang Mulia Pemangku Pengarah Kemajuan Pelancongan mengongsikan objektif utama Jerayawara KNK ini adalah untuk mempromosikan pelancongan domestik, mengetengahkan tempat-tempat menarik dan produk pelancongan tempatan yang terdapat di Negara Brunei Darussalam. Tujuannya adalah supaya orang ramai dan penduduk di Negara ini lebih cenderung untuk bercuti dan mengunjungi tempat-tempat pelancongan yang terdapat di keempat-empat daerah serta berbelanja di dalam negeri. Ini secara tidak langsung membantu meningkatkan permintaan produk-produk tempatan seperti handikraf, produk pertanian, perikanan, produk 1K1P dan seumpamanya yang mana kesemuanya menyumbang kepada pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Beliau juga mengongsikan bahawa Kempen Kenali Negara Kitani atau pun lebih dikenali sebagai KNK pertama kalinya dilancarkan oleh Jabatan Kemajuan Pelancongan pada bulan November 2006. Sejak itu, KNK sering digunapakai dan menjadi simbolik dengan usaha-usaha ke arah menggalakkan penduduk tempatan untuk mengunjungi tempat-tempat menarik di Negara ini. Oleh itu, untuk memberkesankan lagi Kempen Kenali Negara Kitani yang memang sedia dikenali, Jabatan Kemajuan Pelancongan telah mengambil inisiatif untuk membuat penjenamaan semula KNK ataupun '*rebranding of KNK*' dengan

memberikan wajah baru kepada logo Kenali Negara Kitani, KNK. Menurut beliau lagi, penjenamaan semula KNK ini bukanlah hanya pembaharuan kepada logo dari segi visual, namun di sebalik itu juga membawa maksud pembaharuan dan penambahbaikan dari segi tarikan dan produk-produk pelancongan yang terdapat pada masa ini berbanding dahulu ketika KNK mula-mula diperkenalkan.

Acara kemudiannya diteruskan dengan sesi pelancaran Jerayawara KNK oleh Tetamu Kehormat Majlis diikuti dengan sesi lawatan untuk mengetahui secara dekat pakej-pakej istimewa yang ditawarkan oleh agensi-agensi pelancongan, perhotelan dan penyedia-penyedia perkhidmatan pelancongan yang mengambil bahagian; antaranya pakej-pakej menyelusuri sungai (*river cruise*), *staycation*, pakej mendaki bukit, dan pelbagai lagi aktiviti-aktiviti menarik yang berunsur "*experiential tour*" serta yang mengetengahkan makanan-makanan tempatan.

Sebanyak 15 buah syarikat telah menyertai jerayawara KNK pada kali ini yang terdiri daripada hotel-hotel, agensi-agensi pelancongan dan syarikat yang menawarkan sebanyak 84 pakej-pakej dan aktiviti-aktiviti sempena musim cuti persekolahan yang akan bermula tidak lama lagi. Manakala kempen khusus bagi mempromosikan KNK ini akan diteruskan dengan beberapa lagi aktiviti promosi antaranya di media sosial, kerjasama dengan pihak Radio Televisyen Brunei dan satu lagi jerayawara yang akan diadakan pada bulan November tahun ini.

Orang ramai adalah dialu-alukan hadir ke Jerayawara KNK bermula hari Jumaat, 26hb. Ogos hingga hari Ahad, 28hb. Ogos bertempat di Times Square Shopping Centre, Berakas untuk menempah pakej-pakej istimewa sempena musim cuti persekolahan ini. Untuk maklumat lanjut, sila layari laman sesawang www.bruneitourism.com atau Instagram info@bruneitourism



Disediakan oleh:
Unit Perhubungan Awam
Bahagian Promosi dan Pemasaran
Jabatan Kemajuan Pelancongan